



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA  
MAJLIS PELANCARAN DAN SESI CABUTAN UNDI RUMAWIP  
RESIDENSI SERI WAHYU  
GALERI JUALAN LAKEVILLE, TAMAN WAHYU, JALAN KUCHING,  
KUALA LUMPUR**

**29 MAC 2017, RABU | 11.30 PAGI**

---

**BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM**

**Terima Kasih Pengacara Majlis,**

**(*Senarai Salutasi akan diselaraskan kemudian*)**

**YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan,  
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**

**Y.Bhg. Datuk Seri Adnan bin Hj. Md. Ikshan,  
Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan**

**Y.Bhg. Datuk Seri Hj. Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz,  
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**YBhg. Tan Sri Dato' Sri Leong Hoy Kum,  
Group Managing Director of Mah Sing Group**

**YBhg. Jen. Tan Sri Yaacob bin Mat Zain (R),  
Chairman of Mah Sing Group**

**YBhg. Datuk Ho Hon Sang,**  
Chief Executive Officer of Mah Sing Group

**YBhg. Dato' Steven Ng Poh Seng,**  
Executive Director of Mah Sing Group

**Pengurusan Tertinggi Dan Pegawai Kanan Kementerian Wilayah  
Persekutuan dan DBKL,**

**Rakan-rakan media,**

**Dif - Dif Jemputan, Datuk-Datuk, Tuan -Tuan dan Puan-Puan yang  
saya hormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera  
dan Salam 1Malaysia.**

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini.
2. Pada hari ini saya berbesar hati untuk melancarkan Projek RUMAWIP Residensi Seri Wahyu yang dibangunkan melalui inisiatif swasta secara sepenuhnya kediaman RUMAWIP oleh Syarikat Enchanting Height Sdn Bhd iaitu anak syarikat kepada Kumpulan Mah Sing Berhad.
3. Justeru, saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kumpulan Mah Sing Berhad kerana bekerjasama dengan Kerajaan dalam menyediakan kediaman mampu milik kepada golongan yang memerlukan. Usaha sebegini wajar dicontohi lebih ramai pemaju lain supaya hasrat kita untuk memperbanyakkan lagi kediaman RUMAWIP dapat direalisasikan.

4. Projek ini baru sahaja dibuka permohonan melalui Portal RUMAWIP pada 21 Februari 2017 yang lalu dengan menawarkan sebanyak 660 unit rumah mampu milik. Sepanjang tempoh permohonan tersebut, Kementerian telah menerima sekitar 1,000 permohonan daripada warga Wilayah Persekutuan.
5. Dalam tempoh sebulan bermula daripada pembukaan permohonan sehingga ke majlis pelancaran pada hari ini, sambutan yang diberikan terhadap projek ini amat baik dan secara tidak langsung menunjukkan usaha yang dilaksanakan Kerajaan dalam menyediakan rumah mampu milik ini sangat diterima baik oleh rakyat secara keseluruhannya. Saya percaya untuk fasa penawaran seterusnya, projek ini mampu dijual sepenuhnya dalam masa terdekat.
6. Untuk makluman semua, projek ini dibangunkan di atas tanah berkeluasan 1.6 ekar dan menawarkan satu blok kediaman berketinggian 35 tingkat. Sejumlah 660 unit kediaman RUMAWIP akan dibangunkan dengan keluasan unit 805 kaki persegi yang dilengkapi dengan 3 bilik tidur, 2 bilik air dan satu parking berbumbung pada harga RM300,000.00. Kediaman ini amat bersesuaian untuk golongan belia yang bekerja serta keluarga muda.
7. Kemudahan yang disediakan adalah bertaraf kondominium antaranya dewan serbaguna, kolam renang dewasa dan kanak-kanak, pejabat pengurusan, pusat jagaan kanak-kanak, bilik gimnasium yang lengkap, taman permainan kanak-kanak, kawasan BBQ dan surau.

8. Selain itu, lokasi projek juga amat strategik dengan segala kemudahan asas berdekatan yang boleh dinikmati oleh penduduk seperti sekolah, pusat hiburan, kompleks membeli-belah serta hospital.
9. Rangkaian perhubungan jalan raya sekitarnya juga adalah baik dan mudah kepada penduduk untuk mendapat akses seperti Jalan Kuching, Jalan Ipoh, Jalan Kepong, Duta-Ulu Kelang Expressway (DUKE) dan Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MMR2).

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

10. Saya difahamkan bahawa kemudahan pengangkutan awam KTM Taman Wahyu hanya terletak kira-kira 700 meter dari lokasi projek dan pada masa akan datang pula stesen MRT Sri Delima yang terletak dalam jarak 2 kilometer akan dibina dan dijangka siap menjelang tahun 2021. Pemaju memaklumkan kepada saya bahawa pihak MRT juga akan menyediakan perkhidmatan ulang-alik (*shuttle service*) bagi penduduk mendapatkan kemudahan pengangkutan MRT.
11. Jika tuan-tuan dan puan-puan perhatikan, projek ini telah pun memasuki fasa pembinaan dengan tempoh pelaksanaan selama 36 bulan. Projek ini dijangka siap menjelang March tahun 2020 nanti.
12. Seperti semua projek RUMAWIP lain, Residensi Seri Wahyu ini adalah terikat dengan sekatan jualan atau moratorium selama 10 tahun bagi membendung spekulasi hartanah daripada berlaku

tanpa kawalan dan juga menjamin kepentingan golongan sasar iaitu rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah dalam memiliki kediaman sendiri.

13. Saya ingin menasihatkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian supaya mematuhi moratorium yang telah Kerajaan tetapkan. Walaupun setelah tamat tempoh moratorium tersebut, simpanlah harta tanah ini kerana manfaatnya bukan sahaja untuk kita bahkan untuk masa depan anak cucu kita kelak.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

14. Dalam pada itu, saya ingin berkongsi pencapaian RUMAWIP semenjak dilaksanakan pada tahun 2013 yang lalu. Pencapaian sehingga Februari 2017, kita telah berjaya mencapai sebanyak **53,246 unit** atau **67%** daripada sasaran keseluruhan 80,000 unit yang ditetapkan menjelang tahun 2020. Indikator yang digunakan dalam pengiraan sasaran ini mengambil kira projek di bawah kategori “**Siap**”, “**Dalam Pembinaan**” dan “**Kelulusan Perintah Pembangunan atau *Development Order***”.
15. Ketika ini, Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya sentiasa berusaha memastikan projek-projek di peringkat Kelulusan Perintah Pembangunan ini dapat dipercepatkan ke peringkat pembinaan supaya ia dapat ditawarkan kepada rakyat secepat mungkin.
16. Kementerian Wilayah Persekutuan amat berbesar hati dengan pencapaian ini dan sudah pasti para pembeli amat teruja untuk

mendiami rumah mereka kelak dan ia selaras dengan hasrat Kerajaan untuk rakyatnya memiliki rumah sendiri.

17. Bagi tahun 2017 ini dan seterusnya, akan ada lebih banyak lagi projek-projek RUMAWIP di lokasi strategik yang akan dibuka kepada rakyat. Oleh itu, saya menyeru semua pihak untuk sama-sama mempromosikan inisiatif RUMAWIP ini supaya golongan sasaran yang berkelayakan dapat merebut peluang mendapatkan kediaman RUMAWIP di lokasi yang dihasratkan kelak.
18. Saya menyeru rakyat sekalian agar menyokong usaha pihak Kerajaan dalam memperbanyakkan pembinaan rumah mampu milik seperti ini.
19. **Akhir kata, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran dan Sesi Cabutan Undi RUMAWIP Residensi Seri Wahyu.**
20. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.